

02/04/2002

Kemenangan BN bukti rakyat mahu kesinambungan

i Md Deros

KUALA LUMPUR, Isnin - Kejayaan calon Barisan Nasional (BN), Yum Ah Ha, memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, semalam, menunjukkan rakyat negara ini mahukan kesinambungan pemerintahan yang ada sekarang.

Malah pilihan raya kecil itu juga adalah 'loceng amaran' kepada BN untuk menghadapi pilihan raya umum yang dijangka diadakan tahun depan, atau selewat-lewatnya pada tahun 2004.

Di BENTONG, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata pendekatan bersepadu di bawah satu lambang dan gerak gempur ke peringkat akar umbi ketika kempen sangat berkesan.

Selain itu, beliau yang juga Pengarah jentera pilihan raya BN Ketari berkata, banyak pengajaran dan pengalaman sepanjang tempoh pilihan raya kecil itu boleh dimanfaatkan sebagai persiapan BN memantapkan sokongan pengundi menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Dalam kempen pilihan raya kecil ini banyak isu serta permasalahan ditimbulkan. Kerajaan negeri sudah mengenal pasti dan menanganinya dengan sebaik mungkin," katanya pada majlis minum pagi bersama media di Rumah Rehat di sini, hari ini.

Dalam pilihan raya kecil DUN Ketari, semalam, BN mencapai kemenangan besar apabila calonnya, Yum Ah Ha mendapat 7,153 undi berbanding calon DAP yang cuma mendapat 4,949 undi, peningkatan majoriti hampir 10 kali ganda berbanding pilihan raya umum 1999 apabila BN hanya menang dengan kelebihan 231 undi.

Di KAJANG, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan kemenangan itu sebagai sangat memberangsangkan untuk Pahang yang dikatakan sebagai kubu kuat BN kerana pada pilihan raya umum lalu wujud tanda tanya sama ada BN mampu mengekalkan kerusi di negeri berkenaan.

"Kemenangan ini menjurus kepada tradisi, Pahang masih kubu kuat BN dan pembangkang sememangnya tidak berpeluang memimpin Pahang," katanya selepas merasmikan upacara pecah tanah Kompleks Induk dan Pelancaran Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (Stride) di Semenyih, di sini, hari ini.

Di KUCHING, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata kemenangan itu hasil kerjasama parti komponen BN, yang giat berkempen memastikan kemenangan calonnya dalam pilihan raya kecil berkenaan.

Selain itu, katanya, pengurusan kempen Wanita BN dan Umno yang sistematik juga membantu kejayaan BN itu.

"Jika strategi dan kaedah sama digunakan dalam pilihan raya kecil dan umum akan datang, BN sudah tentu mendapat kejayaan cemerlang," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-21, Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA), di Hotel Merdeka Palace, di sini, hari ini.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, menganggap kemenangan Yum sebagai isyarat pelbagai lapisan masyarakat menerima dasar kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Dr Mahathir sebelum ini jelas menunjukkan semua kaum di negara ini mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, kemenangan dengan majoriti lebih besar membuktikan kerajaan sekarang mendapat kepercayaan rakyat majoriti.

"Ia juga membuktikan kepemimpinan Perdana Menteri, Dr Mahathir semakin berkesan dan disanjung rakyat," katanya.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung Gerakan, Datuk Chang Ko Youn, berkata kemenangan itu memang sudah diduga kerana tidak ada sebab rakyat menolak parti yang menjalankan tugasnya dengan cemerlang.

"Rakyat juga mahu kerajaan yang sederhana, berwawasan dalam memakmurkan ekonomi serta memelihara kesejahteraan. Tidak senang dengan hasutan pembangkang menyebabkan pengundi menolak calon pembangkang dan memberi mandat kepada calon BN," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata kemenangan BN dalam pilihan raya kecil itu tidak menggambarkan sokongan orang Melayu terhadap BN dan mendakwa terlalu banyak politik wang digunakan.

"Umno tidak seharusnya terlalu yakin dengan kemenangan itu kerana majoriti penduduk Ketari adalah Cina.

"Kemenangan BN di Ketari tidak mencerminkan sikap rakyat Malaysia kerana terlalu banyak politik wang sebagaimana berlaku (dalam pilihan raya kecil) Indera Kayangan," katanya ketika berucap pada majlis Amanat Perdana sempena dua tahun pemerintahan Pas Terengganu di Stadium Sultan Nasiruddin Shah, di sini, malam tadi.

(END)